

Gegaran dan gelombang seismik pada jarak dekat dan jauh dari aktiviti letupan kuari di Malaysia

ABDUL KAHAR EMBI

Pusat Penyelidikan Mineral
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Terdapat lebih dari dua ratus buah kuari yang aktif di Malaysia yang mengeluarkan dua belas jenis batu. Secara amnya bentuk operasi mereka boleh dikelaskan kepada lima jenis. Kaedah menggerudi dan meletup merupakan kaedah yang murah dan banyak digunakan. Teknik letupan menghasilkan kesan sampingan terutama gegaran yang akan merembat ke persekitaran. Pembangunan yang pesat disekitar kuari memerlukan kawalan terhadap gegaran yang dihasilkan. Perkaitan antara jenis kuari, bahan letupan dan gegaran telah dijalankan keatas beberapa kuari mengikut jenis. Perbandingan jarak-sekil pada jarak dekat dan jauh mengikut jenis dibincangkan dalam kertas ini.